

MATLAMAT PENDIDIKAN ISLAM BERDASARKAN SUNNAH
RASULULLAH
SAW

PENDAHULUAN

Pendidikan Islam mempunyai sifat menyeluruh dan mendalam serta sesuai dengan perkembangan masyarakat, Dengan ini segala peraturan yang ada dapat diubahsuaikan dengan beransur-ansur. Gejala – gejala kerosakan ataupun penyakit masyarakat juga dapat dihapuskan dengan melalui nilai-nilai Islam yang murni.

Pendidikan pada dasarnya merupakan suatu rangkaian proses kegiatan yang dilakukan secara sedar, berencana, sistematik, berkesinambungan, terpola dan berstruktur terhadap anak didik dalam rangka membentuk para peserta didik menjadi seorang insan yang berkualiti baik secara intelek mahupun moral spiritual (Faisal Ismail, 2003)

Emil Salim (1987:65) mengemukakan bahwa tujuan pendidikan pada hakekatnya adalah terwujudnya sosok manusia dengan perpaduan iman, budi ahklak dan rasio pikiran. Aspek-aspek kemanusiaan yang dimilikinya tersebut dapat berfungsi secara selaras, serasi dan seimbang

Islam memandang bahwa manusia adalah merupakan makhluk ciptaan Tuhan yang paling indah, sempurna serta paling tinggi derajatnya. Manusia diciptakan untuk menjadi pemimpin atau khalifah di muka bumi. Ahmad Daudi (1983:25) menyatakan bahwa kesempurnaan manusia bukan saja karena manusia sebagai

khalifah Allah di bumi yang sesuai dengan citra-Nya, tetapi karena ia juga merupakan pencerminan dari Al-Asma'ul Husna.

Bahawa semua kegiatan pendidikan dalam konsep Islam adalah merupakan ibadah kepada Allah. Dalam Surah at-Tahrim ayat 6 disebutkan bahawa : “Jagalah dirimu dan keluargamu daripada api neraka”, ayat ini menjelaskan kepada kita bahawa pendidikan itu merupakan kewajiban individu dan juga kolektif yang mana pelaksanaannya dilakukan melalui pendidikan formal dan juga pendidikan non-formal sesuai dengan tingkat kemampuan anggota masyarakat Islam masing-masing. Ini kerana nilai ibadah dalam pendidikan Islam tertumpu kepada sejauhmana mereka dapat menghayati nilai-nilai Islam sehingga dapat merubah sikap, perilaku dan kepribadian seseorang.

Islam memberikan posisi dan kedudukan yang sangat tinggi kepada orang-orang terdidik, terpelajar dan ilmuwan sama ada lelaki ataupun perempuan, kaya atau miskin, tua atau muda. Hal ini dapat difahami daripada firman Allah dalam Surah al-Mujadalah : 11 yang mengatakan bahawa, “Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama dari kalangan kamu beberapa darjat”. Ayat tersebut menjelaskan kepada kita bahawa kegiatan pendidikan dalam erti mencari ilmu pengetahuan memegang peranan yang amat penting dalam kehidupan seseorang

Prayitno (2005:13) Dengan berbasis kepada pemikiran manusia, tujuan pendidikan mengacu kepada tujuan kehidupan manusia, yang tidak lain adalah kebahagiaan hidup dunia dan akhirat. Tujuan ini sejajar dengan harkat dan martabat manusia tersebut di atas. Tujuan pendidikan, baik yang bersifat menyeluruh dan umum maupun jabarannya terarah bagi terwujudnya kemanusiaan manusia, melalui pengembangan dimensi-dimensi kemanusiaan serta pancadayanya.

Menurut pendapat Haron Din (1988), Pendidikan Islam adalah suatu proses secara rasmi atau tidak (formal and informal) untuk memupuk seluruh potensi semulajadi manusia dari aspek jasmani dan rohani yang mencakupi intelektual, moral, Ia juga dapat membentuk aspek-aspek kecerdasan otak, budi pekerti dan daya ciptanya secara sepadu dan berimbang rapi bagi melahirkan individu yang mengenali hakikat dirinya.

Pendidikan Islam berupaya melahirkan suatu masyarakat yang sempurna, membina negara selaras dengan ajaran Allah serta beriman kepada Allah dengan segala implikasinya. Pendidikan Islam juga mengajar umatnya berilmu, beramal dan bertaqwa menurut ajaran atau aturan-aturan yang telah ditetapkan dalam Islam. Ini bersesuaian dengan fitrah manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi yang seluruh hidupnya hanya kerana Allah serta berhasrat untuk memakmurkan bumi ini menuju kebahagiaan di dunia dan akhirat.

DEFINISI MATLAMAT

Kamus Dewan mendefinisikan matlamat sebagai sasaran, bulan-bulanan, atau sesuatu yang hendak dicapai, tujuan.

Kamus pelajar terbitan khas KBSM mendefinisikan matlamat sebagai mata alamat; sasaran atau apa-apa yang hendak dicapai dalam sesuatu; tujuan.

MATLAMAT PENDIDIKAN ISLAM MENURUT TOKOH-TOKOH PENDIDIKAN

Syed M. Naquib al-Attas (2005), matlamat pendidikan Islam untuk mempersiapkan manusia yang dapat berperanan dan menyesuaikan diri dalam masyarakat masing-masing.

Burlian Somad (1989), mengatakan bahawa Pendidikan Islam ialah aktiviti atau kegiatan yang bertujuan membentuk individu menjadi seorang yang mempunyai personaliti yang baik dan bernilai tinggi menurut kaca mata Islam.

Tujuan pendidikan Islam seperti mana yang telah dinyatakan ialah untuk membentuk serta mewujudkan contoh peribadi yang baik atau peribadi yang sempurna. Sebagaimana Allah telah mengutus nabi Muhammad tidak lain adalah untuk menyempurnakan akhlak yang mulia dengan hidayah agama yang benar.

Hassan langgulung (1997), mengatakan bahawa tujuan pendidikan menjalankan fungsi yang semuanya bersifat normatif. Pertama, untuk menentukan haluan bagi proses pendidikan, iaitu ke arah manakah ditujukan usaha manusia mendidik generasi muda, atau apakah corak manusia yang akan dihasilkan melalui pendidikan itu. Kedua, untuk merangsang dan mendorong seseorang supaya bekerja

dengan bersungguh-sungguh bagi mencapai nilai-nilai murni dalam kehidupan. Ketiga, untuk menjadi kriteria dalam menilai proses pendidikan, iaitu menilai pencapaian pendidikan itu sama ada berjaya atau tidak.

Tujuan sebagai alat untuk menentukan haluan pendidikan, dapat dilihat melalui tiga peringkat iaitu, tujuan khas, tujuan am dan tujuan akhir. Al-Syaibany (1979), berpendapat bahawa matlamat pendidikan Islam akan dimulai dengan matlamat akhir terlebih dahulu, kemudian am dan matlamat khas.

a. *Tujuan Akhir Pendidikan Islam.*

Tujuan akhir pendidikan Islam tidak diatasi oleh tujuan am dan tujuan khas. Tujuan akhir bersifat umum dan tidak terperinci. Berbeza daripada kedua-dua tujuan am dan tujuan khas yang bersifat kurang umum daripadanya. Pelaksanaan tujuan akhir tidak terhad kepada institusi-institusi khas seperti sekolah, pondok dan masjid tetapi dilaksanakan juga di semua institusi masyarakat.

Sebagian pakar pendidikan Islam berpendapat bahawa tujuan akhir pendidikan Islam ialah perwujudan diri (sempurna sendiri). Maksud disini adalah jiwa tau roh, bukan jasmani; manakala perwujudan pula ialah usaha meningkatkannya supaya sampai ke alam *malakut* agar ia dapat berhubung dengan Penciptanya iaitu Allah S.W.T.

Dengan kata-kata lain tujuan akhir pendidikan Islam ialah perkembangan menyeluruh personaliti manusia dalam aspek-aspek rohaniah, psikologikal, intelektual dan jasmaniah.

Adapun tujuan akhir yang paling mencerminkan ciri pendidikan Islam ialah persiapan untuk kehidupan di dunia dan di akhirat, yaitu usaha menyeimbangkan di antara kemestian kehidupan di dunia dengan kemestian kehidupan di akhirat.

b. Tujuan Am pendidikan Islam

Al-Abrasyi(1969:71) dalam kajiannya telah membuat lima kesimpulan tujuan am pendidikan Islam, yaitu :

- Persiapan untuk kehidupan di dunia dan akhirat. Pendidikan Islam bukan hanya menitikberatkan soal akhirat semata-mata, atau urusan keduniaan sahaja, tetapi kedua-duanya sekali.
- Persiapan untuk mencari rezeki dan pemeliharaan manfaatan, atau lebih dikenali sekarang ini dengan nama tujuan bidang vokasional dan professional.
- Menumbuhkan semangat ilmiah dan rasa ingin tahu pada pelajar yang memungkinkan ia mengkaji ilmu demi ilmu itu sendiri.
- Memperlengkapkan pengetahuan para pelajar dalam bidang-bidang profesional, teknikal dan pertukangan supaya dapat menguasai kerjaya dan kemahiran pekerjaan tertentu di samping memelihara aspek-aspek kerohanian dan keagamaan.

Nahlawy (1963:67) merumuskan empat tujuan am dalam pendidikan Islam
iaitu :

- Pendidikan akal dan persiapan fikiran. Allah menyuruh manusia merenungi kejadian langit dan bumi agar manusia beriman kepada-Nya.
- Mengembangkan potensi dan bakat semula jadi pada kanak-kanak. Islam adalah ajaran fitrah. Ajarannya tidak terasing daripada tabiat semula jadi manusia, bahkan ia sesuai fitrah kejadian manusia; tidak ada kerumitan atau perkara luar biasa. (Surah a-Rum ayat 30)
- Memberikan kekuatan dan potensi generasi muda dan mendidik mereka sebaik-baiknya, sama ada lelaki ataupun perempuan.
- Berusaha untuk menyeimbangkan segala potensi dan bakat manusia.

Al- Buthi (1961:102) pula menyenaraikan beberapa tujuan am sebagaimana yang berikut :

- Untuk mendapatkan keredaan Allah dengan menjauhi kemurkaan dan seksaan-Nya serta mengabdikan diri dengan tulus ikhlas kepada-Nya. Tujuan ini di anggap tujuan induk daripada semua tujuan pendidikan Islam.
- Memupuk rasa cinta akan tanahair pada diri manusia berdasarkan agama Islam untuk membimbing manusia ke arah yang diredai oleh-Nya.
- Mewujudkan ketenteraman jiwa dan aqidah yang teguh, penyerahan dan kepatuhan yang ikhlas kepada Allah S.W.T.

c. *Matlamat khas*

Maksud tujuan khas ialah perubahan-perubahan yang diinginkan, yang merupakan bahagian yang termasuk di bawah setiap tujuan am pendidikan. Di antara tujuan-tujuan khas yang mungkin dimasukkan di bawah tujuan am untuk menimbulkan semangat beragama dan berakhlak ialah :

- Memperkenalkan aqidah Islam dan dasarnya
- Menimbulkan kesedaran yang betul pada diri pelajar terhadap agama
- Menanamkan keimanan kepada Allah Pencipta Alam
- Membersihkan hati mereka daripada sifat-sifat yang buruk

Tujuan pendidikan Islam yang telah disenaraikan sama ada pada peringkat tujuan akhir, peringkat tujuan umum, atau peringkat tujuan khas; walaupun kesemua tujuan itu bersumberkan asas ajaran Islam *al-Quran dan as-Sunnah* tetapi ia telah diungkapkan dalam bahasa moden dan dapat dilaksanakan di dalam bilik darjah dan dalam konteks persekolahan moden.

KENAPA AS-SUNNAH ?

- Secara simantik, kata as-Sunnah bererti: perjalanan hidup, metod dan jalan.
- Secara ilmiah, bererti: kumpulan sabda Rasulullah saw., perbuatan, peninggalan, sifat, ikrar, larangan, apa yang disukai dan tidak disukainya (Abdurrahman an-Nahlawi, 1992).

Katakanlah (Wahai Muhammad): *"Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani"*.(QS. Ali Imran, 31)

Dan Turutlah akan apa Yang diwahyukan kepadamu dari Tuhanmu, (dan janganlah menurut adat resam Jahiliyah); Sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui Dengan mendalam akan apa Yang kamu lakukan. (al-Ahzab, 2).

Ayat-ayat di atas jelas menegaskan bahawa Nabi Muhammad saw adalah manusia agong dengan ke agongan dan kesempurnaan nilai akhlak keinsanan yang sebenar dan sempurna. Keagongannya telah di akui dan diiktiraf oleh Allah Tuhan Maha Pencipta alam semesta tanpa ada satupun kuasa di alam wujud ini yang dapat merendah dan menghinanya.

Keagongan ini telah diisytiharkan keseluruh alam semesta yang temaktub dalam kalimah Allah yang kekal abadi selama-lamanya. Kerana keagongan dan kesempurnaan ini Muhammad telah diiktiraf dan diakui serta diistiharkan oleh Allah sebagai contoh ikutan umat manusia sepanjang zaman tanpa terbatas oleh sekatan masa dan tempat. (Mohd Sulaiman Yasin, 1997)

Drs. Munzier Suparta, M.A. (1993), mempunyai pendapat tentang sunnah iaitu segala yang bersumber dari Nabi saw baik berupa perkataan, perbuatan, taqirir, perangai, budi pekerti, perjalanan hidup, baik sebelum menjadi Rasul mahupun sesudahnya.

Ahmad Syalaby (1984) menyifatkan al-Sunnah sebagai sumber yang tidak pernah kering, sumber yang melahirkan contoh teladan yang baik terbukti pada budi pekerti Rasulullah saw. Dari sumber inilah melimpah petunjuk-petunjuk, pendidikan dan adab tertib sopan.

Tajul Ariffin (1988), menyimpulkan bahawa pendidikan dalam Islam ialah pendidikan yang bersumberkan kepada al-Quran dan as-Sunnah, disamping adanya

integrasi disiplin-disiplin ilmu akal ke arah membina komuniti ummah dengan berteraskan akidah. Untuk mencapai matlamat ini maka pendidikan bersepadu perlu diterjemahkan dalam pelaksanaannya.

Sumber pokok pembinaan tauhid dalam Islam adalah wahyu yang dinukilkan dalam al-Quran dan Sunnah. Kenyataan inilah yang menjadikan pendidikan Islam memiliki ciri-ciri khas apabila dibandingkan dengan pendidikan yang lain.

Pendidikan Islam dipandu oleh sumber yang jelas dan transendental, iaitu wahyu. Selain berdasarkan kepada al-Quran dan as-Sunnah, Pendidikan Islam juga berorientasikan kepada masyarakat, seperti umumnya pendidikan lain (Abdul Ghani Abud, 1987).

As-Sunnah sangat berperanan dalam mendidik manusia, seawal penciptaan manusia itu sendiri sehingga ke hujung perjalanan hidupnya. Rasulullah saw bukan sahaja melalui sunnahnya, bahkan dirinya sendiri sebagai sumber pendidikan.

Oleh kerana itu tidak hairanlah bila al-Quran menyebutkan bahawa Rasulullah merupakan contoh teladan yang terbaik.

MATLAMAT PENDIDIKAN MENURUT AS-SUNNAH

Fakta bahawa pendidikan Nabi Muhammad saw, dijadikan Allah sebagai pendidikan yang terbaik didukung oleh al-Quran yang mengesahkan kedudukan Rasulullah yang sangat mulia (*akram*), teladan yang paling baik (QS al-Ahzab 33:21; QS al-Hujurat 49: 13; dan QS al-Qalam 68:4).

Hal ini kemudian disahkan oleh hadis Nabi yang menyatakan bahawa matlamatnya adalah untuk menyempurnakan akhlak manusia : "*Innama bu'isthtu li-utammima husna al-akhlaq*". Hadis ini ditemui dalam Muwatta' Imam Malik dan Musnad Ahmad ibn Hanbal; ditulis dalam A. J. Wensinck dan J. P. Mensing, *Concordance et Indices de la Tradition Musulmane*, 7 jil (Leiden: E. J. Brill, 1943), 2: 75.

Mohammad Natsir (1973), berpendapat bahawa matlamat pendidikan Islam sebenarnya adalah sama dengan tujuan hidup kita iaitu menghambakan diri kepada Allah dan menjadi hambaNya.

Hanafi Mohammed (1996), pula mengatakan bahawa matlamat pendidikan menurut al-Quran dan as-Sunnah ialah mendidik manusia dengan seruan menyembah Allah dan mentauhidkanNya sebagai Pencipta yang mengatur dan mengurus kehidupan manusia dan segala makhluk lain di alam ini. Ia juga mengajak dan mengajar manusia agar bertakwa kepada Allah dengan memelihara dirinya baik secara individu atau dalam hidup bermasyarakat

Pandangan di atas dikuatkan lagi dengan pendapat Abd. Halim El-Muhammady (1993), dimana beliau mengatakan bahawa Pendidikan Islam ialah proses mendidik dan melatih akal, jasmani, rohani dan emosi manusia berasaskan sumber utama al-Quran dan as-Sunnah.

Dan didukung pula oleh pendapat para pakar pendidikan, diantara ialah :

1. Untuk menghasilkan muslim yang berilmu, beriman, berketerampilam, beramal sholeh dan berakhlak mulia. (http://www.japim.edu.my/bkpim/pi_kbsr.pdf).
2. Untuk membentuk akhlak yang mulia. Dari dahulu hingga sekarang umat Islam telah bersetuju bahawa pendidikan akhlak adalah inti pendidikan Islam, dan untuk membentuk akhlak yang sempurna adalah tujuan pendidikan yang sebenarnya (Al-Abrasyi, 1969:71) .
3. Matlamat pendidikan Islam Meninggikan taraf akhlak masyarakat berdasarkan agama yang diturunkan oleh Allah S.W.T untuk membimbing manusia ke arah yang diredai oleh-Nya (Al- Buthi, 1961:102) .

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada pandangan-pandangan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa Pendidikan Islam ialah pendidikan yang tidak memisahkan hubungan seorang hamba dengan penciptanya yang maha Agung, Pendidikan yang tidak memisahkan antara perkara-perkara di dunia dan akhirat.

Selain itu Pendidikan Islam juga tidak memisahkan antara fardhu Ain dan fardhu Kifayah atau istilah yang sentiasa ada dalam perbincangan tentang pendidikan ialah tidak berlakunya dualisme dalam bidang pendidikan dan dalam keadaan bersepadu. Pendidikan Islam bersifat menyeluruh atau syumul, mencakupi semua aspek kehidupan manusia.

As-Sunnah selain berfungsi sebagai sumber tasyri (hukum) setelah al-Quran, juga memiliki peran yang sangat penting sebagai pemandu ilmu pengetahuan dan peradaban. Bila kita melihat pendapat dari pakar-pakar pendidikan, jelas sudah bahawa matlamat pendidikan menurut as-Sunnah adalah untuk membentuk peribadi muslim yang kaffah baik dari segi akhlak dan untuk mempersiapkan diri untuk menghadap Allah SWT pada hari akhirat nanti. Dan beberapa tokoh pendidikan berpendapat bahawa matlamat pendidikan Islam tidak hanya terhadap persiapan untuk ukhrawi sahaja, akan tetapi mempersiapkan diri untuk menghadapi cabaran hidup di dunia, dengan berlandaskan akhlakul karimah.

Sesungguhnya, menurut Tibawi, tujuan peribadi pendidikan Islam, secara ringkas, iaitu untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat, adalah lebih konkrit dan bermanfaat kepada individu warganegara dibandingkan tujuan umum masyarakat kabur, yang dibentuk oleh pemerintah Negara moden.

RUJUKAN

Al-Qur'an dan Hadis

A. L. Tibawi, *Islamic Education : Its Tradition and Modernization into the Arab National Systems*. (London: Luzea & Co., 1972), ms, 207

Ahmad Syalaby, 1984. *Islam dalam Timbangan*. Alih bahasa oleh Abu Laela & Mohammad Tohir. PT. Al-Ma'arif. Jakarta.

Dr. Haron Din, 2000. *Manusia dan Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Selangor Darul Ehsan.

Dr. Rosmawati Ali @ Mat Zin, 2005. *Pengantar Ilmu Hadis*. Pustaka Salam Sdn, Bhd. Kuala Lumpur

Dr. Yusuf Al-Qardhawy, 1998, *As-Sunnah Sebagai Sumber Iptek dan Peradaban*. Penerjemah : Setiawan Budi Utomo, LC., MBA., MSC.;_cet. 1_. Jakarta: Pustaka al-Kautsar

Harun Arrasyid Hj. Tuskan, 2005. *Himpunan Hadis Pilihan*. Progressive Publising House SDN. BHD. Kuala Lumpur.

Hasan Langgulung, 1986. *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka

Iman Az-Zabidi, K.H. Ilyas Ruchiyat, 2006. *Ringkasan Shahih Bukhari*. Mizan Media Utama. Bandung.

Kamus Dewan, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Pelajar Terbitan Khas KBSM, Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohd Sulaiman Yasin, 1997. *Aqidah Muslim*. Yayasan Salam Bangi, Selangor.
- Munzier Suparta, 1993. *Ilmu Hadis*. PT RajaGrafindo Persada. Jakarta.
- Wan Mohd Nor Wan Daud, 2005, *Falsafah dan Amalam Pendidikan Islam Syed M. Naquib al-Attas*. Universiti Malaya. Kuala Lumpur
- Abdul halim El-Muhammady. 1991. Pendidikan Islam : Falsafah, Disiplin Dan Peranan Pendidik. Selangor : Dewan Pustaka Islam.
- Abdullah Zakiy al-Kaaf. 2001. Membentuk Akhlak Mempersiapkan Generasi Islami. Bandung: Pustaka Setia.
- Arifin, H.M. 1994. Ilmu Pendidikan Islam : Suatu Tinjauan Teoritis dan Praktis Berdasarkan Pendekatan Interdisipliner. Jakarta : Bumi Aksara.
- Al-Syaibany, Omar Mohammad al-Toumy. 1979. Falsafah pendidikan Islam. Jakarta: Bulan Bintang
- Faisal Ismail. 2003. Masa Depart Pendidikan Islam di tengah Kompleksitas Tantangan Modernitas. Jakarta :Bhakti Aksara Persada.
- Haron Din. 1988. Masalah Pendidikan Islam di Malaysia. Selangor : ar-Rahmaniyah.
- Muhaimin. 2001. Paradigma Pendidikan Islam. Bandung : Remaja RosdaKarya.
- Mohammad Natsir. 1973. Capita Seleкта. Jakarta : Bulan Bintang.
- Muhammad Uthman El-Muhammady.1974. Ilmu Pendidikan Islam. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sidik Baba. 1993. Pengurusan Pendidikan Islam Suatu Pendekatan Sepadu. Dalam Hussein Ahmad (Pnyt), Pendidik Profesional. Journal Pegawai-pegawai Kanan Perkhidmatan Pendidikan Malaysia.

